

Kerajaan tidak pernah abai M40

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
dan **MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak pernah mengabaikan kebajikan kumpulan yang berpendapatan sederhana atau M40, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, beliau sedar ada beberapa pihak yang menegur perkara itu susulan pendekatan kerajaan lebih tertumpu kepada golongan B40.

"Beberapa langkah telah kita ambil tetapi andaian beri lebih kepada B40 itu tidak betul.

"Sebagai contoh tengok semua sekolah menengah sains atau Maktab

Rendah Sains Malaysia (MRSM) termasuk Kolej Melayu dan lain-lain, manfaatnya kepada golongan paling miskin itu sangat kecil... tidak sampai satu atau dua peratus.

Perdana
Menteri nafi
andaian
beri lebih
kepada B40

"Sebab itu saya usulkan kepada Menteri Pendidikan (Fadhlina Sidek) baru-baru ini menyatakan bahawa sama ada sekolah khas dicadangkan atau tidak pun mesti diperuntukkan satu hingga lima peratus sahaja bagi yang benar-benar miskin. Kalau tidak kesenjangan itu akan terus berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Jalinan Kerjasama iTEKaD di Sasana Kijang, semalam.

Bersambung di muka 2

Kerajaan tidak pernah abai M40

Dari muka 1

Hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Seri Ahmad Maslan dan Gabenor Bank Negara, Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour.

Dalam majlis itu, Anwar mengumumkan dana tambahan sebanyak RM6 juta diperuntukkan kepada program iTEKaD tahun ini sebagai usaha untuk terus memperkasa usahawan mikro berpendapatan rendah.

Tambahan itu merupakan penjimatan yang dilakukan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2023.

Perdana Menteri berkata, geran itu merupakan penambahan daripada RM4 juta yang diperuntukkan sebelum ini.

Beliau berkata, iTEKaD boleh dikembangkan selepas mencatatkan kos pengurusan yang lebih rendah selain tidak membebankan kewangan kerajaan.

“Diharap (penglibatan peserta) meningkat 4,000 berdasarkan peruntukan RM4 juta Kementerian Kewangan.

“Kalau sudah berjaya dengan RM4 juta, tidak perlu saya tambah lagi. Saya pasti dengan keputusan kejayaan, dengan andaian 20 bank, andaian ada lagi dana tambahan daripada Bank Negara, maka saya boleh tambah daripada RM4 juta jadi RM10 juta pada tahun ini,” katanya.

Mengulas tentang sistem meritokrasi dalam pendidikan, Anwar berkata, biarpun meritokrasi itu penting tetapi ia tidak boleh menjadi satu-satunya kriteria dalam pengurusan dan tata kelola negara yang adil.

“Kalau mahu bincang meri-



ANWAR Ibrahim melawat rerual dalam Majlis Jallian Kerjasama iTEKaD di Sasana Kijang, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON

tokrasi antara sekolah terbaik di Kuala Lumpur dengan sekolah di Kapit Sarawak, itu maknanya menggagaskan satu formula yang tidak menekankan keadilan.

“Ada satu pihak cakap meritokrasi dan ada satu pihak cakap hanya kuota (bumiputera)...saya fikir kedua-duanya harus digabungkan, jadi mesti ada juga meritokrasi kalau tidak, kita tidak akan angkat yang terbaik dalam kalangan kita,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, minat para pelabur antarabangsa untuk melabur di Malaysia pada masa ini jauh lebih baik berbanding satu atau dua tahun yang lalu.

Anwar berkata, situasi itu merupakan perkembangan

positif dalam melonjakkan ekonomi negara.

“Saya optimis bahawa dengan minat pelabur-pelabur antarabangsa berkembang sekarang jauh lebih baik daripada catatan satu (atau) dua tahun yang lalu.

“Itu satu sangat positif bagi kita kerana ia akan membantu melonjakkan ekonomi tetapi lonjakkan ekonomi itu harus beralih daripada pendekatan lama,” katanya

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menggesa kepimpinan kementerian, bank serta golongan elit mendekati golongan bawahan yang mempunyai pemikiran serta keluhan berbeza dalam perkara berkenaan.